

PM belum puas hati persediaan komponen BN

UM - 4 AUG 1999

IPOH 3 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau masih belum berpuas hati dengan persediaan yang dibuat oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya umum.

“Saya selalu tidak hendak puas hati. Saya fikir walaupun kita capai 100 peratus, kita kena capai 120 peratus,” kata Perdana Menteri sambil menambah bahawa para pemimpin BN perlu bekerja lebih kuat.

Menurut Dr. Mahathir, atas faktor itulah semalam beliau memberi arahan supaya segenap peringkat kepimpinan BN menemui ahli-ahli parti dan para pengundi bagi memastikan siapa mereka dan pendirian masing-masing.

Bercakap pada sidang akhbar di sini hari ini pada akhir lawatan dua harinya ke Perak, beliau memberitahu, arahan kepada para pemimpin BN itu bukan satu amaran.

“Saya tidak bagi amaran. Saya cuma jelaskan bagaimana sistem BN bergerak. Sistem kita berdasarkan kepada tolong-menolong.

“Kita tolong parti lain, parti lain tolong kita. Kita tolong kaum lain, kaum lain tolong kita. Itu prinsip BN dan saya arahkan supaya mereka tidak lupa prinsip itu,” katanya.

Dr. Mahathir yang gembara dengan sambutan kira-kira 50,000 rakyat Perak yang menyambut beliau pada Majlis Pertemuan Perdana Menteri Bersama Rakyat di Stadium Perak di

sini malam tadi juga mengulas isu yang beliau bangkitkan iaitu terdapat kemungkinan ahli parti BN tidak mengundi BN dalam pilihan raya.

Beliau menjelaskan: “Ada kemungkinan itu, jadi kita kena tentukan ia tidak berlaku. Sebab itu saya suruh mereka (pemimpin-pemimpin BN) berjumpa dengan semua ahli parti termasuk penyokong dan orang ramai.”

Dr. Mahathir kelihatan geli hati dengan laporan akhbar-akhbar nasional hari yang mentafsirkan ucapan beliau dalam perjumpaan dengan para pemimpin BN Perak semalam sebagai “menandakan pilihan raya umum sudah terlalu hampir.”

Ditanya mengenai tarikh pilihan raya, beliau menjawab dalam nada riang: “Kita akan tunggu sehingga bendera-bendera Pas jatuh tetapi itu akan mengambil masa yang lama.”

Perdana Menteri menambah: “Anda boleh tafsir dengan apa sahaja cara yang anda suka. Akhbar-akhbar kata kita akan adakan pilihan raya umum tidak lama lagi, tetapi saya juga kata perkara lain.

“Kecualilah mereka (parti pembangkang) membuat bendera mereka daripada kertas yang senang koyak, maka lebih cepat kita akan adakan pilihan raya. Kalau bendera itu dibuat daripada kanvas... mungkin bulan Ogos tahun depan.”

Dr. Mahathir merujuk kepada ucapannya di Stadium Perak malam tadi ba-

hawa “kita akan tunggu sehingga bendera-bendera Pas reput di tiang-tiang, sebelum pilihan raya diadakan.”

Ditanya sama ada beliau telah menemui sebab-sebab untuk mengadakan pilihan raya dan sedang menunggu-nunggu masa yang sesuai untuk membubarkan Parlimen, Perdana Menteri membiarkan orang meneka-neka rancangan politiknya.

Katanya: “Saya belum habis melawat negeri-negeri dalam pusingan sekarang. Saya mungkin habis satu pusingan dan buat pusingan lawatan lain.”

Lawatan Perdana Menteri ke Perak semalam dan hari ini bertujuan memberi penjelasan kepada para pemimpin UMNO dan parti-parti komponen BN mengenai persiapan menghadapi pilihan raya umum.

Di Ipoh, beliau memberikan mereka gambaran mengenai tarikh pilihan raya umum: “Saya akan beri anda semua masa, tetapi tidaklah terlalu banyak.”

Ditanya adakah rakyat akan memahami mesej-mesej yang beliau cuba sampaikan menjelang pilihan raya, Dr. Mahathir berkata:

“Saya fikir rakyat kini lebih faham tentang bermacam-macam isu yang dibangkitkan oleh parti lawan termasuk isu kenapa Datuk Seri Anwar Ibrahim disingkir. Mereka lebih faham dan mereka lebih menerima.”